



قِيَامَتُكُمْ وَأَحْكَامُ شَرِيْعِي بِكَرَمِي قَوْلًا وَقِيَامَةً

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899

<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (69)

Tarikh : 01 Februari 2023

10 Rejab 1444

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar

Yang Arif / Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2023
PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH TAHUN 2022**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2023 pada 13 Januari 2023 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai lapan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2022. Senarai arahan amalan tersebut seperti dilampiran 1.

Mohon Yang Arif/ Tuan/ Puan memastikan semua arahan amalan tersebut digunapakai dan dipatuhi pelaksanaannya.

Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Februari 2023**.

(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



LAMPIRAN 1

SENARAI ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH TAHUN 2022

1. Arahan Amalan No.1 Tahun 2022 - Perintah Mahkamah Syariah Melalui Potongan Pencen.
2. Arahan Amalan No. 2 Tahun 2022 - Perintah Mahkamah Syariah Berkaitan Status Nasab Dan Pernikahan.
3. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2022 - Keutamaan Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Jabatan Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie Dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Semasa Prosiding Rayuan Di Mahkamah Rayuan Syariah.
4. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2022 - Penyeragaman Surat Perlantikan Dan Pertukaran Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri.
5. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2022 - Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Syariah.
6. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 - Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Kes Tuntutan/ Permohonan Perceraian Atau Pembubaran Perkahwinan (Dengan Kehadiran Suami).
7. Arahan Amalan No. 7 Tahun 2022 - Keperluan Menjadikan Semua Ahli Waris Yang Berhak Dan Berkepentingan Sebagai Pihak-Pihak Di Dalam Kes-Kes Yang Melibatkan Tuntutan Ke Atas Harta Si Mati.
8. Arahan Amalan No. 8 Tahun 2022 - Garis Panduan Pengurusan Kes *Mal* Bagi Pemfailan Ikatan Dokumen, Fakta Kes Dan Penyata Keterangan.